

21/09/1998

Hampir semua bahagian sokong

KUALA LUMPUR, Ahad - Hampir semua 156 bahagian Umno menghantar surat ke Ibu Pejabat parti bagi menyatakan pendirian menyokong tindakan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Majlis Tertinggi (MT) Umno memecat Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada kerajaan dan parti.

Malah, Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik, berkata ada kalangan Umno Bahagian yang kurang berpuas hati dengan keputusan MT itu, tetapi tetap menyokong tindakan Presiden.

"Ada satu dua (Bahagian) menulis kepada Presiden menyatakan rasa kurang puas hati. Mereka memberi sokongan tetapi tidak puas hati," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Pertandingan Teh Tarik Lipton dan Menebar Roti Canai Planta 98 yang turut disertai tetamu Kuala Lumpur '98 - Sukan Komanwel XVI (KL'98) di sebuah kompleks beli-belah di sini, hari ini.

Mengenai tindakan terhadap ahli Umno yang menyokong gerakan reformasi Anwar dan menentang keputusan MT, beliau berkata, perkara itu akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin parti, akhir bulan ini.

Sabbaruddin berkata, jawatankuasa itu akan menentukan tindakan berdasarkan kesalahan yang dilakukan, seperti tidak menyokong kepimpinan parti, menentang keputusan MT dan menyokong gerakan bukan Umno.

Menurutnya, ahli Umno yang melakukan kesalahan seperti menentang keputusan MT boleh dikenakan tindakan seperti diminta memberi surat tunjuk sebab, diberikan amaran, gantung keahlian atau dipecat.

(END)